

## SIDANG REDAKSI

### Ketua Pengarang

Mohd Faiz Mohd Esa

### Pengarang

Suraiyah Harun

Muhammad Faiz Sabli

Yanti Suria Othman

Suhaizah Zainudin

### Grafik

Norazuni Saharudin

### Jurufoto

Aminudin Piramli

### Edaran

Siti Zubaidah  
Abd. Rahman

Jannatul Asyikin  
Janudin

Ainsyah Nasihah  
Abu Bakar

Noraini Hussin

Khadijah Rashid



## PORTAL DIREKTORI SUMBER KOMUNITI "MAKLUMAT DI HUJUNG JARI"

Portal Direktori Sumber Komuniti telah dilancarkan dengan rasminya bertempat di Auditorium Pusat Perubatan UKM (PPUKM) pada 29 April 2014. Pelancaran portal tersebut telah disempurnakan oleh YBhg Profesor Dr Noor Azah Abd. Aziz, Ketua Hal Ehwal Jaringan Industri & Masyarakat, PPUKM.

Dalam ucapan perasmiannya, Profesor Dr Noor Azah telah memuji inisiatif JKSP dalam membangunkan sistem maklumat sumber komuniti. Tujuan portal ini adalah untuk memberikan informasi direktori perkhidmatan agensi yang terdiri daripada Badan Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan dan Swasta di Malaysia yang meliputi aspek kewangan, keagamaan, kesihatan, pendidikan dan lain-lain.

Portal Direktori Sumber Komuniti ini disasarkan khususnya kepada Pegawai Kerja Sosial Perubatan di hospital-hospital kerajaan. Orang awam turut dialu-alukan untuk menggunakan portal tersebut melalui pautan berikut:  
<http://www.sumberkomuniti.ppukm.ukm.my/>

# Keterlibatan Program Sumbangan



*Majlis Sumbangan  
UEM Group Berhad - PPUKM*  
**SUKMARIA PPUKM**  
**30 Januari 2014**



*Majlis Sumbangan Kerusi Roda  
Oleh Daya Secadyme Sdn Bhd*

**JKSP PPUKM**

**3 Jun 2014**



# Keterlibatan Program Sumbangan

## *Majlis Sumbangan Aidilfitri Kepada Pesakit Oleh MAIWP*

**Auditorium Hospital Putrajaya**

**8 Julai 2014**



## *Majlis Sumbangan Zakat Oleh Open Universiti Malaysia (OUM) – SAHABAT – PPUKM*

**Sukmaria**

**9 Julai 2014**

# Keterlibatan Program Sumbangan



# Keterlibatan Aktiviti Komuniti

## *Majlis Pelancaran Program Khidmat Bantu Di Rumah (HomeHelp) Peringkat Hulu Langat*

**Rumah Jagaan Al-Fikrah, Kajang**

**13 Mac 2014**



## *Program Khidmat Masyarakat Gotong Royong Rumah Perantaraan*

**Flat Sri Labuan Bandar Tun Razak, Cheras**

**12 April 2014**



# Keterlibatan Aktiviti Penjanaan

## *Jumble Sale*

**Lobi Klinik O&G PPUKM**

**25 – 26 Jun 2014**



## *Golf Amal* *Tabung Kebajikan Pesakit PPUKM*

**Bangi Golf Resort**

**22 November 2014**



# Penganjuran Program Latihan

## *Bengkel Pemantapan Pengurusan Sokongan Psikososial JKSP*

**Hotel Puri Pujangga, UKM**

**29 November 2014 – 1 Disember 2014**



## *Bengkel Terminologi Dalam Perubatan*

**Dewan ASCC PPUKM**

**24 – 25 September 2014**



# Keterlibatan Kursus/Bengkel/Aktiviti

## *Seminar Tautan Kasih Keluarga Mithali*

Auditorium, PPUKM

29 April 2014



## *Sambutan Hari Raya JKSP*

JKSP PPUKM

13 Ogos 2014





# Ceramah Agama

## *Ceramah Maal Hijrah*

JKSP PPUKM

17 Oktober 2014



## *Ceramah Maulidur Rasul*

Bilik Seminar  
Jabatan Maksilofasial PPUKM

21 Januari 2014



# Keterlibatan Program Kualiti

*Lawatan 5S oleh  
Institut Sukan Negara (ISN)*

**JKSP PPUKM**

**22 Mei 2014**



*Lawatan 5S ke  
Pejabat Ketua Menteri Melaka*

**31 Oktober 2014**

**Ayer Keroh Melaka**



# Keterlibatan Program Kualiti

*Lawatan 5S oleh  
Universiti Malaysia Pahang*

**JKSP PPUKM**

**10 April 2014**



*Lawatan 5S oleh  
Jabatan Hal Ehwal  
Orang Asli*

**JKSP PPUKM**

**12 Ogos 2014**



# Lawatan Kerja

*Lawatan Kerja  
Universitas Diponegoro Semarang  
Indonesia*

**JKSP PPUKM**

**12 Ogos 2014**



## TAHNIAH

### **ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG**

Muhammad Faiz Sabli  
Nor Hajar Abu Bakar

### **KENAIKAN PANGKAT**

Siti Zubaidah Abdul Rahman ( KUP N 22 )

### **KELAHIRAN CAHAYA MATA**

Ainaa Zakiah Binti Mohamad Aziz  
Muhammad Ammar Adib Bin Aminudin  
Raisya Binti Rashidi  
Ammar Mikael Bin Naim Marzuki

# Artikel JKSP

## ISU WARGA EMAS TERABAI

oleh : Puan Suraiyah Harun

### a) Pengenalan

Warga emas didefinisikan menerusi had umur tertentu berdasarkan kepada budaya masyarakat setempat. Walau bagaimanapun, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mentakrifkan warga emas adalah individu yang berusia 60 tahun ke atas mengikut ketetapan Persidangan Antarabangsa mengenai Warga Tua di Vienna pada tahun 1982. Had umur ini digunakan sebagai rujukan had umur warga emas dalam polisi dan dasar untuk kesejahteraan warga emas di Malaysia.

Menurut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, golongan warga emas berjumlah 2.2 juta orang atau 7.7 peratus daripada 28.3 juta penduduk Malaysia sehingga tahun 2011.

Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang pesat membangun ke arah mencapai matlamat menjadi negara maju. Pembangunan ini sekali gus telah meningkatkan taraf hidup rakyat.

Namun demikian, terdapat segelintir golongan warga emas yang terabai hidupnya. Mereka merupakan golongan minoriti yang tidak diperdulikan hak dan keperluan hidup oleh keluarga atau masyarakat sekelilingnya. Warga emas yang terabai ini didapati hidup sebagai gelandangan di jalanan, tinggal bersendirian dalam kedaifan, terlantar di hospital tanpa waris yang datang melawat dan mengidap penyakit kronik tanpa rawatan dan penjagaan yang sempurna.

Pengabaian warga emas boleh berlaku dalam semua lapisan masyarakat samada golongan kaya ataupun miskin, profesional ataupun sebaliknya yang mungkin caranya sahaja yang berbeza.

### b) Jenis-Jenis Pengabaian Warga Emas

Isu pengabaian warga emas merupakan isu sosial yang biasanya digunakan untuk menerangkan tentang tindakan atau perbuatan yang menjejaskan kesejahteraan hidup warga emas oleh orang lain.

Sukar untuk ditentukan samada sesuatu perbuatan pengabaian itu dilakukan dengan niat atau tanpa niat kerana terdapat berbagai faktor dan situasi yang memperengaruhinya. Pengabaian warga emas boleh berlaku dalam berbagai keadaan samada di rumah, pusat jagaan, hospital atau dalam komuniti. Perbuatan pengabaian ini mungkin dilakukan oleh penjaga tidak formal seperti anak-anak, pasangan atau saudara mara atau penjaga formal seperti di pusat-pusat jagaan.

Terdapat dua jenis pengabaian yang sering berlaku dalam masyarakat iaitu:

#### 1. Pengabaian Fizikal

- a. Tidak menyediakan keperluan asas dan nafkah hidup yang mencukupi seperti makan minum, pakaian dan kemudahan tempat tinggal.
- b. Menafikan keperluan mendapatkan rawatan, pemulihan kesihatan dan jagaan kebersihan diri seperti tidak membiayai kos perubatan, memandikan atau menyalinkan lampin jika sakit terlantar.
- c. Membiarkan warga emas hidup melarat, merayau-rayau atau mengemis di jalanan.

- d. Mengasing atau meninggalkan warga emas keseorangan dalam keadaan yang membahayakan keselamatan dan kesihatannya.
- e. Tidak menghubungi atau melawat warga emas
- f. Memaksa atau membiarkan warga emas melakukan aktiviti atau kerja yang boleh menjejaskan kesihatan mereka.

## **2. Pengabaian Psikologikal**

- a. Membiarkan warga emas dalam kesedihan atau kemurungan
- b. Tidak memberi perhatian terhadap pandangan dan kebolehan warga emas
- c. Melayan dengan perkataan dan perbuatan yang mengguris hati
- d. Mengasing atau menghalang hubungan komunikasi dengan orang lain seperti panggilan telefon, surat menyurat, pelawat atau aktiviti sosial.
- e. Tidak meraikan dan menghargai kehadiran warga emas
- f. Menghalau atau menyisihkan warga emas
- g. Tidak membantu melakukan aktiviti-aktiviti yang diminat seperti menghadiri aktiviti agama, riadah atau kebudayaan.

## **c) Faktor-Faktor Pengabaian**

### **1. Warga Emas Pernah Mengabai Tanggungjawab Terhadap Keluarga Di Usia Muda**

Keluarga warga emas yang terabai sukar melupakan sejarah silam akibat diabaikan. Ada di kalangan mereka yang menyimpan perasaan kecewa, benci dan dendam kerana pernah diabaikan nafkah hidup, tidak diberikan pelajaran, didera atau tidak diberi kasih sayang secukupnya.

Pengalaman ini telah meninggalkan kesan negatif dalam hubungan antara mereka hingga mendorong mereka menyisihkan warga emas walaupun ibu atau bapa kandung mereka sendiri. Ramai di kalangan warga emas yang terabai didapati pernah terjebak dalam gejala sosial di usia muda.

Masalah sosial ini telah menyebabkan mereka gagal melaksanakan tanggungjawab terhadap keluarga. Antaranya seperti melakukan jenayah, menagih dadah, ketagihan arak, berkahwin dan bercerai tanpa tanggungjawab, berfoya-foya dan berjudi.

## **2. Masalah Kewangan**

Warga emas yang tidak mempunyai wang simpanan di hari tua tidak mampu menguruskan kehidupan mereka dengan baik apabila di usia tua, mereka tidak lagi berupaya bekerja kuat mencari nafkah. Ramai di kalangan mereka yang hidup terbiar, menjadi kutu rayau dan pengemis.

Sekiranya keluarga mereka berpendapatan rendah dan ramai tanggungan, beban penjagaan warga emas akan semakin bertambah. Bebanan kewangan akan bertambah sekiranya warga emas mengalami hilang keupayaan fizikal dan mental.

Kesan penuaan dan timbulnya pelbagai penyakit kronik memerlukan penjagaan berpanjangan serta kos perubatan yang tinggi. Pakar bidang perubatan warga emas telah mengenal pasti lima masalah kesihatan utama yang berkait rapat dengan penuaan iaitu jatuh, tidak dapat mengawal pembuangan air kecil dan air besar, jangkitan kuman, nyanyuk dan kesan ubat-ubatan.

Selain daripada itu, penyakit kardiovaskular, masalah paru-paru, jangkitan kuman, kanser dan masalah usus merupakan lima penyebab utama kematian warga emas di hospital-hospital kerajaan. Apabila keluarga menghadapi bebanan kewangan, mereka tidak mampu menyediakan tempat tinggal yang selesa, membayar bil rawatan yang tinggi, kos pengangkutan untuk rawatan ulangan dan membeli makanan tambahan untuk warga emas.

Tekanan kewangan boleh menyebabkan waris warga emas meninggalkannya terdampar di hospital atau menyerahkannya ke pusat-pusat jagaan dalam komuniti. Sekiranya terpaksa menjaga warga emas, keluarga tidak memberikan penjagaan yang sempurna walaupun tinggal bersama keluarga.

## **3. Tidak Mengamalkan Nilai-Nilai Agama**

Penghayatan nilai-nilai agama sangat penting dalam membentuk peribadi yang mulia. Anak-anak yang tidak mendapat didikan agama dan kerohanian sejak kecil lagi akan cenderung mementingkan diri sendiri dan mengabaikan tanggungjawab terhadap ibubapa yang sudah tua. Mereka tidak tahu menghormati, menyayangi dan menghargai pengorbanan serta kepayahan ibubapa yang mengasuh mereka sejak kecil hingga dewasa.

Apabila ibu bapa tidak berupaya dari segi fizikal ataupun mental, mereka melepaskannya kepada pihak lain seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat atau pusat-pusat jagaan dengan pelbagai alasan. Menjaga ibu atau bapa mereka yang sudah uzur dianggap suatu bebanan dan bukan satu tanggungjawab yang wajib dilaksanakan.

## **4. Kesibukan Mengejar Kesenangan Hidup**

Warga emas juga boleh terabai walaupun tinggal bersama keluarga sekiranya ahli keluarga atau anak-anak sibuk mengejar kesenangan hidup dan terlalu aktif dengan aktiviti sosial. Mereka ditinggalkan berseorangan dan kesunyian hingga tidak mempunyai peluang berkomunikasi, meluahkan masalah atau berkongsi kegembiraan dengan ahli keluarga. Kadang kala masalah kesihatan mereka juga tidak dihiraukan.

Keadaan ini merupakan salah satu sebab warga emas lebih suka tinggal di rumah sendiri. Namun demikian, warga emas yang tinggal berasingan atau berjauhan dengan anak-anak atau warisnya juga akan terabai sekiranya jarang-jarang diziarahi, tidak diberikan sumbangan kewangan, tidak dihiraukan keadaan kesihatan, keselamatan dan makan minum atas alasan sibuk dengan urusan kerja.

## **5. Tiada Waris Yang Boleh Menjaga**

Warga emas akan terabai apabila tiada waris yang boleh menjaganya terutama dalam kalangan warga emas berstatus bujang, duda atau janda yang tidak berwaris atau waris tidak dapat dikesan. Biasanya mereka terpaksa tinggal di pusat-pusat jagaan yang dikendalikan samada pihak kerajaan, badan bukan kerajaan, swasta, dijaga oleh rakan-rakan, jiran atau orang-orang yang bersympati dengan mereka.

## **6. Jurang Komunikasi dan Nilai Hidup**

Jurang komunikasi dan nilai hidup yang berbeza antara anak-anak dan menantu dengan ibu atau bapa atau mertua yang sudah tua boleh menimbulkan pertelingkahan dan perselisihan faham. Keadaan ini boleh menyebabkan samada mereka merajuk dan sanggup tinggal bersendirian atau pergi ke pusat jagaan.

Sekiranya keluarga tidak boleh bersabar dengan kerenah dan ragam warga emas tambahan pula jika warga emas mengalami masalah kesihatan yang kronik seperti sakit tua, nyanyuk dan sakit mental, mereka akan mengambil jalan mudah dengan menghantar ke pusat jagaan atau membiarkannya tanpa penjagaan yang sempurna.

## **7. Sikap Mementingkan Diri Sendiri**

Dalam mengejar kesenangan hidup, anak-anak terutamanya lebih cenderung mementingkan diri sendiri hingga mengabaikan kebajikan orang tua. Ada di kalangan anak-anak yang hanya mempergunakan ibu bapa yang sudah tua untuk menguruskan kerja rumah atas alasan sukar mendapatkan pembantu rumah atau kos hidup yang semakin meningkat.

Apabila ibu atau bapa telah uzur, anak-anak yang mementingkan diri sendiri ini akan mengambil jalan mudah dengan menghantar mereka ke pusat-pusat jagaan, ditinggalkan di hospital atau di tempat awam.

## **d) Kesan-Kesan Pengabaian**

### **1. Penempatan Di Institusi Kebajikan**

Warga emas yang tiada mempunyai waris yang mahu menjaga mereka terpaksa tinggal di pusat-pusat jagaan yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, badan bukan kerajaan ataupun pihak swasta.

Terdapat dalam kalangan waris atau keluarga warga emas yang menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab kepada pusat jagaan untuk menjaga mereka dan tidak lagi menjengok atau bertanya khabar berita atas pelbagai alasan sehingga meninggal dunia. Sekiranya masalah pengabaian warga emas tidak dibendung maka akan bertambah kemasukan warga emas ke pusat-pusat jagaan.

### **2. Bebanan Kos Perkhidmatan Perubatan**

Warga emas yang terdampar di hospital-hospital kerajaan juga merupakan golongan yang terabai kerana tidak ada waris dapat dikesan atau tiada waris yang mahu menjaga mereka. Masalah ini memberikan tekanan kepada pihak hospital seperti meningkatnya bil rawatan, bebanan tugas pengesanan waris, penggunaan katil yang menghadkan kemasukan wad untuk pesakit lain dan kos pengurusan jenazah tidak dituntut.



Pegawai Kerja Sosial Perubatan di hospital-hospital kerajaan juga menghadapi cabaran dalam membantu golongan ini kerana sukar mendapatkan pusat-pusat jagaan yang ada dalam komuniti. Pusat-pusat jagaan dalam komuniti mempunyai kriteria kemasukan tersendiri samada daripada segi kos penjagaan, jantina, status kesihatan fizikal, mental, agama dan bangsa. Lebih mencabar lagi sekiranya warga emas yang terdampar ini tidak boleh menguruskan diri sendiri, berpenyakit mental dan penyakit berjangkit.

### **3. Bebanan Kos Operasi Pusat-Pusat Jagaan**

Apabila permintaan kepada kemudahan pusat jagaan meningkat, maka pihak kerajaan terpaksa memperuntukkan dana untuk membangunkan pusat jagaan ataupun pusat jagaan harian. Peruntukan dana juga terpaksa disalurkan setiap tahun kepada badan-badan bukan kerajaan untuk menyokong usaha mereka menyediakan kemudahan pusat jagaan.

Keadaan akan menambahkan beban kewangan negara sedangkan keluarga yang sepatutnya bertanggungjawab memelihara ahli keluarga yang sudah tua. Selain daripada itu, pihak badan bukan kerajaan pula terpaksa mencari dana melalui kutipan derma dari orangramai untuk membuka lebih banyak pusat jagaan. Secara tidak langsung masyarakat terpaksa menanggung beban bagi membantu mengatasi masalah warga emas yang terbiar.

### **4. Mengancam Kesihatan dan Keselamatan Warga Emas**

Terdapat warga emas yang lebih rela tinggal di rumah sendiri atas alasan tidak mahu menyusahkan anak-anak atau saudara mara. Walau bagaimanapun, aspek keselamatan diri dan jagaan kesihatan amat penting bagi warga emas kerana kesan proses penuaan dan pelbagai penyakit kronik akan membawa kepada kemerosotan fizikal dan mental.

Warga emas yang tidak mempunyai sokongan sosial yang cukup daripada keluarga ataupun masyarakat sekeliling akan hidup terabai dan berisiko terdedah kepada kemalangan, jangkitan kuman, kesakitan dan kematian seorang diri. Mereka juga terdedah kepada ancaman jenayah seperti pembunuhan, penipuan dan rompakan.

### **5. Mencemarkan Imej Negara**

Sekiranya ramai warga emas hidup melarat, merayau-rayau dan mengemis di khalayak awam, imej negara akan terjejas terutama di kalangan para pelancong kerana melambangkan masyarakat Malaysia telah semakin terhakis perasaan prihatin, hormat dan menyayangi golongan tua. Kerajaan terpaksa membelanjakan wang yang banyak untuk membantu pengoperasian pusat-pusat jagaan yang menguruskan warga emas samada diuruskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat ataupun pihak badan bukan kerajaan.

### **6. Runtuh Nilai Agama dan Adat Resam**

Keluarga yang mengabaikan warga emas telah menafikan hak dan keperluan warga emas untuk dilindungi dan dihormati. Nilai kasih sayang dan menghargai jasa warga emas yang telah luntur boleh mengakibatkan bukan sahaja masalah menghantar mereka ke pusat jagaan malahan melakukan kekejaman terhadap mereka seperti memukul, menendang, merampas harta benda dan membunuh. Konsep ketaatan dan hormat kepada orang tua telah ditidak diperdulikan dan diamalkan oleh keluarga. Adat resam serta budaya murni masyarakat akan tercemar sekiranya warga emas ini diabaikan.

## **7. Tekanan Emosi**

Warga emas yang terabai akan mengalami tekanan emosi kerana diabaikan. Mereka yang mengalami penyakit kronik seperti penyakit strok, kanser, kecacatan fizikal dan masalah buah pinggang akan lebih tertekan kerana tidak berupaya menguruskan diri sendiri. Dalam masa yang sama tidak ada waris yang boleh membantu menjaga mereka. Oleh kerana tidak berupaya menangani tekanan emosi, ada di antara mereka yang mengalami penyakit kemurungan dan ingin membunuh diri.

## **8. Hubungan Dalam Institusi Kekeluargaan Yang Rapuh**

Institusi kekeluargaan semakin rapuh kerana nilai hormat menghormati dan tanggungjawab terhadap menjaga orang tua atau ibubapa yang sudah tua telah hilang. Keluarga sibuk dengan urusan sendiri dan tidak mahu menanggung bebanan menjaga warga emas.

## **9. Persepsi Negatif Masyarakat**

Sekiranya keluarga tidak lagi memperdulikan warga emas dan melepaskan tanggungjawab kepada masyarakat dan kerajaan maka warga emas akan dipandang sebagai bebanan dan bukan lagi sebagai satu tanggungjawab. Warga emas tidak diberi tempat yang sewajarnya dalam masyarakat.

## **10. Bertentangan dengan Nilai Hidup Bermasyarakat.**

Budaya menghantar warga emas ke pusat jagaan sebenarnya bertentangan dengan nilai budaya masyarakat timur yang mengutamakan nilai hidup berkelompok dan saling tolong menolong. Menghantar warga emas ke pusat jagaan bukanlah satu pilihan yang terbaik kerana kehidupan dalam suasana keluarga adalah lebih baik berbanding dengan kehidupan di pusat jagaan.

## **Kesimpulan**

Walaupun terdapat banyak pusat jagaan di negara kita, kemudahan ini bukan bermakna langkah terbaik menyelesaikan masalah pengabaian warga emas oleh keluarga. Institusi kekeluargaan perlu dipertahankan dan dibantu melalui kolaborasi agensi bantuan. Pihak kerajaan boleh menggalakkan ahli masyarakat supaya membantu keluarga yang menghadapi masalah kurang sokongan sosial untuk menjaga warga emas melalui kempen galakan khidmat sukarela dan mengadakan akta menjaga ibu bapa supaya mereka tidak diabaikan oleh anak-anak.

**GAMBAR-GAMBAR WARGA EMAS YANG TERABAI**



# Artikel JKSP

## PANDUAN PENULISAN LAPORAN SOSIOEKONOMI

oleh: Encik Muhammad Faiz bin Sabli

Dalam perkhidmatan kerja sosial perubatan, laporan sosioekonomi yang baik dan lengkap amatlah penting dalam memastikan permohonan pesakit ke agensi bantuan menerima perhatian dan bantuan sewajarnya. Ini kerana, laporan yang tidak lengkap atau dilakukan secara sambil lewa boleh menyebabkan pesakit tidak menerima bantuan penuh, atau lebih malang lagi ditolak.

Secara amnya terdapat 3 fasa dalam menghasilkan sesebuah laporan sosioekonomi.

### Fasa 1: **Permulaan.**

Ambil maklumat dan fakta secukupnya untuk sesuatu kes. Ia boleh dilakukan melalui temubual, lawatan ke rumah, pemerhatian dan sebagainya. Berikan diagnosa sosial untuk kes tersebut dan rancang rujukan ke agensi bantuan. Seterusnya, tetapkanlah waktu untuk menulis laporan tersebut.

### Fasa 2: **Pertengahan.**

Pada ketika laporan dibuat pastikan anda tidak dipengaruhi emosi. Jika tidak pasti tentang sesuatu, dapatkan pandangan daripada rakan sekerja. Fikirkan mengenai siapa yang akan membaca laporan tersebut. Pasti anda harus memikirkan mengenai tanggapannya terhadap laporan anda kelak. Akhir sekali, pastikan keseragaman dalam penyampaian maklumat pada laporan tersebut.

### Fasa 3: **Penamatan.**

Semak, semak dan semak laporan anda. Kemudian berikan penilaian anda ke atas laporan tersebut. Yang paling penting, jangan tangguhkan penghantaran laporan. Ini kerana, apabila keadaan sosioekonomi pesakit dan keluarga berubah, laporan anda juga perlu diubah.

Berikut pula, dipaparkan ciri-ciri sebuah laporan sosioekonomi pesakit yang baik dan lengkap:

- Maklumat berdasarkan fakta, bukan andaian, telahan ataupun “agak-agak”.
- Tepat, pendek, ringkas dan mudah di fahami.
- Penghuraian masalah secara sistematik.
- Elakkan dari melakukan teknik ‘copy’ and ‘paste’.
- Berikan pandangan profesional sebagai pekerja sosial.
- Jelaskan *jargon* perubatan yang digunakan.
- Fokus pada ayat aktif dan kurangkan ayat pasif.
- Ayat pendek dan ringkas. Sese kali ayat yang sederhana panjang.
- Konsisten dalam penceritaan. (penama vs pesakit)

Kesimpulannya, fikir sebelum menulis, ketika menulis dan selepas menulis. Elakkan menulis dalam waktu yang sibuk, suntuk dan tergesa-gesa. Jangan lupa untuk semak, semak dan semak. Luaskan pengetahuan dan tambahkan kosakata melalui pembacaan yang serius. Ingat! sikap positif dan semangat mahu berikan yang terbaik akan terserlah melalui penulisan laporan sosioekonomi anda.